

# Strategi Murajaah al-Quran bagi Huffaz di Peringkat Tertiari

**BITARA**

Volume 3, Issue 4, 2020: 177-189  
 © The Author(s) 2020  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Strategies in Murajaah al-Quran for Huffaz at The Tertiary Level]

Fatimah Zaharah Ismail,<sup>1</sup> Nor Hafizi Yusof,<sup>1</sup> Ahmad Farimin Ahmad Osman,<sup>2</sup> Rahimah Embong,<sup>1</sup> Najmiah Omar,<sup>1</sup> Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil,<sup>1</sup> Mariam Nabilah Mohd Noor,<sup>1</sup> Mohd. A'Tarahim Mohd. Razali<sup>1</sup> & Rosmalizawati Abd. Rashid<sup>1</sup>

### Abstrak

Pendidikan tafsir al-Quran di negara ini melahirkan ramai huffaz lepasan sekolah menengah dan akan memasuki universiti bagi melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar. Di peringkat tertiar, mereka tidak lagi mempunyai pembimbing al-Quran serta bebas untuk menyusun aktiviti harian. Sebagai pelajar pra-siswazah, para huffaz al-Quran akan sibuk dalam hal ehwal akademik, tidak mempunyai persekitaran yang kondusif bagi pengekalan hafazan dan sering berhadapan masalah pengurusan masa. Justeru, timbul persoalan sejauh manakah huffaz di peringkat tertiar ini mampu murajaah al-Quran bagi menjaga dan mengekalkan hafazan al-Quran. Sehubungan itu, kertas kerja ini mengenal pasti isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh huffaz di peringkat tertiar serta merumuskan strategi yang perlu dimplementasi dalam usaha mereka mengekalkan hafazan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Kajian dibuat dengan kaedah analisis dokumen, manakala analisis data dilakukan secara bertema. Kertas kerja ini menggariskan lima isu utama yang menjadi permasalahan huffaz dalam mengekalkan hafazan al-Quran. Selain itu, kertas kerja ini turut mencadangkan enam strategi yang menjadi tonggak kepada huffaz di peringkat tertiar untuk komited melakukan murajaah al-Quran. Implikasi kajian ini memberi panduan kepada pihak berautoriti untuk merangka strategi pembelajaran yang komprehensif bagi memaksimumkan potensi huffaz di peringkat tertiar.

### Kata kunci:

Strategi, Tahfiz, Murajaah, Huffaz, Pengajian Tertiari.

### Abstract

Tafsir al-Quran education in Malaysia has produced numerous secondary school huffaz who would be enrolling into universities to further their tertiary studies. At the tertiary level, they would not have anyone to guide them on the Quran besides being free to organise their daily activities. As undergraduate students, they would be busy with academic matters, not having a conducive environment for murajaah al-Quran and often having trouble in time management. Hence, the question is how far the huffaz at the tertiary level are capable of performing murajaah to keep the memorisation of al-Quran. Therefore, this paper identifies issues and challenges faced by the huffaz at the tertiary institutions and formulates strategies that could be implemented in efforts to retain their Quranic memorisation. This study is qualitative in nature and used the content analysis approach, which employed the document analysis method, while the data were analysed thematically. This study had identified five main issues that were presumed to be problems for the huffaz in retaining their memorisation of al-Quran. Besides that, this study propose six strategies that

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Kejuruteraan (Koordinator Tahfiz Fakulti Kejuruteraan), Universiti Multimedia, 63100 Cyberjaya, Selangor, Malaysia

### Corresponding Author:

NOR HAFIZI YUSOF, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. nhafizi@unisia.edu.my

are vital for the huffaz to be committed to engage in murajaah activities. The implication of this paper will give guidelines to the authorities to design a comprehensive learning strategy by maximising the potential of the huffaz at the tertiary level.

**Keywords:**

Strategy, Tahfiz, Murajaah, Huffaz, Tertiary Education.

**Cite This Article:**

Fatimah Zaharah Ismail, Nor Hafizi Yusof, Ahmad Farimin Ahmad Osman, Rahimah Embong, Najmiah Omar, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil, Mariam Nabilah Mohd Noor, Mohd. A'tarrahim Mohd. Razali, Rosmalizawati Abd. Rashid. 2020. Strategi murajaah al-Quran bagi huffaz di peringkat tertiar. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 177-189.

## Pengenalan

Hafazan al-Quran adalah satu cabang ilmu yang penting dalam pendidikan al-Quran. Hafazan al-Quran bermula sejak turunnya wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW. Ketika itu, dalam keadaan Nabi Muhammad SAW yang takut dan gementar, Allah SWT telah memerintahkan Jibril AS untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Jibril AS kemudian mengulang-ulang ayat al-Quran dan menggunakan kaedah hafazan semasa mengajarkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW (Abdul Hafiz et al., 2005). Firman Allah SWT yang bermaksud: “Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa” (Surah al-A’la 87: 6).

Berdasarkan peristiwa penurunan wahyu, dapat difahami bahawa pendidikan tahfiz merupakan salah satu sistem penyampaian ilmu Islam yang dilalui sendiri oleh Nabi Muhammad SAW (Anis Syahirah & Sabri, 2017). Lanjutan kepada itu, baginda sendiri menggunakan kaedah hafazan ketika mengajarkan al-Quran kepada para sahabat baginda (Sabri et al., 2016; Azmil Hashim et al., 2013). Semenjak itu, menghafaz telah menjadi salah satu kaedah yang penting di dalam mendalami ilmu al-Quran selain bertujuan bagi mengelakkan terputusnya jumlah huffaz yang mutawatir dalam memelihara al-Quran (Mardhiyah, 2016) dan bagi mengelakkan pemalsuan serta penyelewengan terhadap ayat al-Quran (Nor Musliza & Mokmin, 2014).

Pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia telah melahirkan ramai huffaz yang mempunyai keterampilan yang baik dari aspek kecemerlangan akademik, intelek dan sahsiah. Selain itu, amalan menghafaz al-Quran mampu memacu pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar (Ismarulyusda et al., 2016). Kajian Muhammad Zawawi & Nor Hafizi (2016) turut bersetuju bahawa pelajar yang menghafaz al-Quran akan menunjukkan kecemerlangan dalam peperiksaan awam di peringkat menengah di Terengganu selain mereka mempunyai kekuatan dari sudut sahsiah sebagai nilai tambah utama.

Gabungan nilai yang baik dari aspek akademik dan bukan akademik merupakan inti pati sebenar dan natijah kepada pendidikan tahfiz al-Quran. Perkembangan yang baik ini adalah selari dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang

menyasarkan perkembangan potensi pelajar dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Huffaz lepasan sekolah akan meneruskan pengajian ke universiti sebagai siswa. Mereka mempunyai tanggungjawab dalam pelajaran di universiti bertanggungjawab mengekalkan hafazan sepanjang masa (Muriyah et al., 2015). Namun demikian, mengekalkan hafazan al-Quran bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan oleh setiap hafiz/ah kerana ia menuntut kepada disiplin yang berterusan.

## **Matlamat Pendidikan Tahfiz**

Matlamat pendidikan tahfiz adalah bertujuan melahirkan huffaz yang beriman, memahami hal ehwal agama dan mengamalkan segala isi kandungan al-Quran. Menurut pandangan Abu Najihat (2002), pendidikan tahfiz bermatlamat untuk menjadikan huffaz al-Quran memahami ilmu Islam yang merangkumi tiga teras utama iaitu akidah, syariah dan akhlak.

Selain itu, pendidikan tahfiz al-Quran mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah SWT dan sentiasa memakmurkan alam ini menurut neraca agama. Dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda manusia yang bakal melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai'e (Siti Nor Azimah et al., 2016).

Para huffaz yang lahir diharapkan akan menjadi penyumbang yang dinamik dalam pelbagai aspek pembangunan negara dan sosial bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang. Menurut Ahmad Mohd Salleh (1997), pendidikan tahfiz melahirkan huffaz dalam usaha membina masyarakat bertaqwah, masyarakat yang adil berdasarkan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan serta masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, tidak zalim dan tidak sompong.

## **Perkembangan Pendidikan Tahfiz**

Menurut Solahuddin (2016), pendidikan tahfiz telah wujud di Malaysia semenjak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Pengajian hafazan adalah dalam kelompok-kelompok kecil dan digandingkan bersama dengan pengajian asas Islam dan fardhu ain. Pendidikan tahfiz al-Quran secara tidak formal ini berterusan sehingga tercetusnya idea untuk menubuhkan institusi pendidikan tahfiz yang sistematik dan berstruktur. Cetusan idea Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ini direalisasikan pada tahun 1966 dengan penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat. Kelas pengajian tersebut menerima sambutan yang baik dan telah dinaiktaraf menjadi Maahad Tahfiz wal Qiraat pada tahun 1972 yang beroperasi di Majid Negara, Kuala Lumpur (Siti Nor Azimah et al., 2016). Pada tahun 1998, maahad tahfiz tersebut dinaiktaraf sebagai Darul Quran (Solahuddin, 2016). Penubuhan institusi-institusi pendidikan tahfiz sejak dari awal bertujuan memberikan pendidikan secara formal dan telah mendapat sokongan dan sambutan daripada semua pihak seterusnya memberi implikasi terhadap masyarakat dalam usaha mempertingkatkan kualiti bacaan al-Quran.

Sehingga kini, kesedaran umat Islam di Malaysia tentang kepentingan pendidikan tahfiz amat memberangsangkan. Hal ini membawa kepada penubuhan banyak institusi tahfiz di


peringkat sekolah rendah dan menengah. Sebahagian institusi pendidikan tahniz ini adalah milik kerajaan dan sebahagian besar yang lain dikelolakan secara persendirian dan swasta (Muhammad Zawawi dan Nor Hafizi, 2016). Selain itu, harapan masyarakat sangat tinggi bagi melihat pendidikan tahniz diperluaskan merentasi kurikulum sedia ada (Harun, 2016) menyebabkan perkembangan yang dinamik institusi tahniz selain aspirasi ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka untuk menjadi huffaz (Sabri et al., 2016).

Menyedari transisi paradigma pemikiran dalam kalangan masyarakat, diperingkat sekolah menengah kerajaan telah memulakan inisiatif dengan memperkenalkan secara rasmi kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang kini telah memasuki tahun ke-6 pasca perlaksanaannya (Nik Md Saiful Azizi et al., 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Pada tahun 2015, kerajaan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang digubal berdasarkan kurikulum tahniz al-Quran dari pelbagai institusi pendidikan agama yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelaras Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). KBT menggabungkan dua komponen mata pelajaran tahniz al Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pengintegrasian komponen ini diharap dapat melahirkan generasi pelajar yang menghafaz al-Quran (al-hafiz), menguasai dan mengamalkan ilmu-ilmu al-Quran di samping ilmu-ilmu lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Lanjutan kepada dasar sedia ada, kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang berada di peringkat akhir merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang bertujuan memperkasakan pengajian tahniz dari pelbagai aspek akademik dan bukan akademik. Kesemua dasar dan pelaksanaan kurikulum seperti Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) , Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) , dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) memberi impak positif dalam melahirkan para pelajar yang bermutu tinggi dalam bidang al-Quran.

## Proses Hafazan dan Murajaah al-Quran

Menghafaz ayat-ayat al-Quran merupakan suatu proses yang terbahagi kepada tiga peringkat utama. Ketiga-tiga peringkat ini adalah proses berbalik dan bertujuan untuk menghasilkan huffaz yang rasikh atau berkualiti. Rajah 1 dibawah menunjukkan peringkat-peringkat utama dalam proses menghafaz ayat al-Quran.



Rajah 1: Peringkat-peringkat utama dalam hafazan bagi melahirkan huffaz yang rasikh. (Diadaptasi dan diubahsuai daripada Abdul Hafiz & Hasimah (2003))

Peringkat pertama adalah menghafaz ayat-ayat baru. Ayat-ayat baru merujuk kepada ayat-ayat al-Quran yang belum pernah dihafaz. Seseorang pelajar mestilah memiliki kemahiran al-Quran yang baik sebelum berupaya memulakan hafazan seperti ilmu asas tajwid, ilmu makhraj dan sifat huruf. Terdapat pelbagai strategi yang digunakan untuk memulakan hafazan baru bergantung kepada kemampuan pelajar serta teknik yang digunakan di institusi tahfiz (Abdul Hafiz et al., 2005; Nik Md Saiful Azizi et al., 2016; Sabri et al., 2016; Abdul Hafiz & Norhanan, 2010; Sedek & Mustafa, 2016).

Peringkat kedua adalah mengulang bacaan lepas. Pengulangan dibuat oleh penghafaz al-Qur'an untuk mengekal dan mengukuhkannya dalam ingatan agar tidak lalut dari ingatan. Semakin banyak mereka mengulang bacaan, lebih mudah untuk menghafaz dan dapat mengucapkannya kembali tanpa tersekut (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003).

Peringkat ketiga pula adalah pengekalan hafazan. Peringkat ini amatlah penting kerana ia bertujuan mengekalkan hafazan yang tersimpan dalam ingatan. Bagi seorang hafiz al-Quran, adalah menjadi keutamaan dan tanggungjawab untuk memelihara hafazan lampau dan kekal mengingati hafazan (Khairul Anuar, 2016). Ini adalah cabaran sebenar yang dihadapi oleh huffaz di peringkat tertiar kerana mereka perlu mempunyai disiplin yang kuat untuk melakukan murajaah al-Quran. Adalah menjadi kewajipan para huffaz al-Quran untuk menjaga dan memelihara hafazan agar terus kekal dalam ingatan. Oleh yang demikian, hafazan memerlukan kepada suatu proses yang berterusan bagi mengekalkan hafazan seterusnya meningkatkan kualiti hafazan.

Istilah murajaah atau taqrir secara literal bermakna mengulang-ulang. Murajaah al-Quran merupakan pengulangan yang perlu dibuat oleh penghafaz al-Quran untuk mencapai dua matlamat utama iaitu mengekalkan dan mengukuhkan hafazan dalam ingatan (Ahmad Zulfiqar Shah & Mohd Abdul Nasir, 2016). Maka, amat mudah untuk difahami mengapa murajaah al-Quran bagi huffaz adalah proses yang berterusan sehingga mereka mati. Demikian fasa murajaah ini adalah sangat penting bagi melahirkan huffaz yang rasikh iaitu mempunyai keterampilan yang tinggi dalam hafazan al-Quran.

## **Isu dan Cabaran Huffaz di Peringkat Tertiari**

Seorang hafiz/ah yang berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran semasa dalam persekolahan tahfiz bukan satu jaminan hafazan itu akan diingati hingga akhir hayat (Khairul Anuar, 2016). Ini kerana, pelajar berkenaan akan menempuh suasana persekitaran yang amat berbeza dari segi keperluan dan kehendak sebaik sahaja menamatkan pengajian di bangku sekolah. Pihak kerajaan juga perlu merencanakan suatu strategi pendidikan tahfiz di peringkat tertiar sebagai kesinambungan kepada langkah yang murni yang telah dilakukan di peringkat sekolah.

Di peringkat universiti, hidup para huffaz lebih memfokuskan kepada isu berkaitan pelajaran dan penyesuaian masa dengan pelbagai aktiviti di universiti. Di sekolah, penekanan kepada aspek pengajian tahfiz dan pembelajaran akademik adalah seimbang dan sering ditambahbaik. Kejayaan sekolah-sekolah tahfiz melahirkan huffaz menyebabkan pertambahan banyak institusi akademik di peringkat sekolah menengah khususnya yang menyediakan pakej pembelajaran integrasi bagi para pelajar yang berminat untuk menyambung pengajian dalam

bidang akademik arus perdana di samping menghafaz al-Quran secara bermodul (Fatimah et al., 2019)

Namun demikian, pengajian di peringkat lanjutan adalah sangat terhad dan tidak memungkinkan semua pelajar lepasan sekolah tersebut meneruskan pengajian dalam bidang hafazan (Noor Hisham, 2014). Ini menyebabkan putusnya kesinambungan pengajian dan seterusnya tanpa disiplin murajaah yang baik boleh menyebabkan hafazan semakin melemah. Bagi kebanyakan kes, setelah pelajar tamat pengajian sekolah menengah, mereka akan memilih jurusan akademik yang tidak berkaitan hafazan seperti bidang-bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan, perakaunan dan pelbagai lagi. Oleh yang demikian, pelajar harus mempunyai kekuatan sendiri untuk sentiasa melakukan murajaah bagi mengekalkan hafazan.

Persekutuan di universiti memberikan impak yang signifikan terhadap gelagat murajaah al-Quran dalam kalangan siswa sama ada secara positif ataupun negatif. Pengaruh persekitaran ini adalah sesuatu yang serius kerana ia membawa kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada prestasi hafazan huffaz (Ahmad Bazli et al., 2016). Adalah sangat idealistik untuk menempatkan para huffaz dalam satu kediaman khas kerana perkara ini tidak selari dengan semangat perpaduan dan menjadi halangan utama pembinaan jaringan sosial di universiti. Untuk itu, para huffaz perlu bijak mengawal diri dan menjaga pergaulan (Ahmad Syamil Ikhwan, 2014 & Utusan Malaysia, 2010). Suasana pengajian tahniz amat berlainan dengan suasana pengajian selain tahniz. Para huffaz bukan sahaja perlu memberikan penumpuan penuh, keazaman dan komitmen kepada penghafazan dan pengulangan al-Quran bahkan mereka juga perlu memberikan tumpuan yang saksama kepada mata pelajaran yang lain.

Persekutuan yang tidak kondusif mempengaruhi motivasi huffaz dalam melakukan murajaah. Huffaz yang bermotivasi akan membina dan sentiasa menyemarakkan sikap positif sebagai penghafaz al-Quran yang sentiasa ingat akan tanggungjawab untuk mengekalkan hafazan. Aspek motivasi pelajar terhadap murajaah al-Quran bukan isu baharu dan telah banyak dibincangkan. Perbincangan aspek motivasi pelajar adalah tidak terhad kepada ilmu al-Quran sahaja malah merangkumi pelbagai disiplin ilmu. Kajian yang dijalankan oleh Misnan dan Ahmad Sadadi pada tahun 2003 berkaitan pencapaian subjek Hifz al-Quran bagi pelajar Maahad Tahfiz wa al-Qiraat di Perak menunjukkan kelemahan dan permasalahan lebih tertumpu kepada peribadi pelajar sendiri. Mereka tidak mempunyai kesungguhan dan kekurangan motivasi dalam aspek murajaah al-Quran seterusnya memberikan impak yang negatif terhadap pengekalan hafazan. Justeru, kajian Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) ini merumuskan satu hipotesis bahawa pembangunan jati diri dan motivasi pelajar merupakan perkara utama yang akan menggilap potensi mereka menjadi huffaz yang cemerlang.

Antara cabaran utama di universiti adalah kebebasan siswa daripada pelbagai aspek kerana tiada pantauan terus daripada ibu bapa atau guru. Sekiranya tersilap langkah, siswa universiti boleh terlibat dalam anasir-anasir negatif. Justeru itu, huffaz al-Quran di universiti perlu memelihara diri daripada sifat-sifat tercela apatah lagi terjebak melakukan maksiat dan melakukan dosa. Biarpun isu kegelinciran nilai dalam kalangan huffaz adalah terpencil, namun perkara ini bukanlah sesuatu yang perlu diambil mudah. Amalan-amalan tercela jika dilakukan secara tetap mendorong kepada pelbagai masalah disiplin yang lain seterusnya menghilangkan momentum huffaz untuk kembali kepada al-Quran (Utusan Malaysia, 2010). Huffaz sebagai *hamalah al-Quran* yang sentiasa dekat dengan al-Quran, perlu memiliki hati yang bersih dari

sifat-sifat supaya mudah menerima segala kefahaman dan secara tidak langsung membina perwatakan yang baik (Abd Salam Yusof, 2013) dan menjadi contoh kepada siswa yang lain.

Selain itu, pengurusan masa huffaz di peringkat tertiari adalah perkara yang fundamental. Realiti kehidupan kita hari ini, waktu siang adalah sibuk diisi dengan kerja-kerja seharian sehingga menyukarkan kita untuk memperuntukkan waktu bagi hal yang difikirkan tidak penting bagi jangka masa pendek. Begitulah juga keadaannya bagi siswa universiti. Pada waktu siang, mereka sibuk bagi menghadiri kuliah, berdiskusi dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti akademik dan ko-akademik (Khairul Anuar, 2016). Waktu malam pula diperuntukkan bagi menyiapkan tugas dan mentelaah pelajaran. Hal ini menyebabkan kurangnya peluang hafiz al-Quran untuk murajaah al-Quran. Berbeza dengan keadaan ketika memulakan hafazan di sekolah, kini di universiti mereka perlu peka terhadap pengurusan masa dan mengambil semua peluang yang ada untuk memanfaatkan masa sepenuhnya.

Antara cabaran huffaz di peringkat tertiari boleh dilihat dari sudut yang lebih teknikal berkaitan ketiadaan kaedah yang sistematik untuk murajaah al-Quran. Disebabkan kurang penekanan terhadap murajaah dan ditambah pula dengan kekurangan kajian berkaitan teknik murajaah al-Quran, huffaz di peringkat universiti tidak mempunyai satu kaedah tersusun (Azmil, 2015) dan jelas untuk murajaah al-Quran. Kebanyakan huffaz melakukan murajaah dengan menggunakan sebarang teknik yang dirasakan berkesan, teknik bercampur dan mengekalkan teknik lama ketika murajaah. Kajian Fatahurrahman (2015) dan Mardhiah (2016) menyatakan pencapaian yang lemah dalam hafazan al-Quran adalah berpunca daripada faktor pelajar tidak mengetahui kaedah yang sistematik dalam memelihara hafazan lama al-Quran. Kajian Mohamad Marzuqi et al. (2016) mencadangkan pembangunan teknik baru hafazan dan murajaah dengan menggunakan alat bantu hafazan kerana teknik sedia ada sudah lapuk, tidak berteknologi, tidak menggembirakan dan terlalu bersifat tradisional. Justeru, teknik murajaah al-Quran perlu dibangunkan sebagai garis panduan kepada huffaz di peringkat tertiari.

Pandemik Coronavirus (COVID-19) yang melanda negara kita awal tahun 2020 telah menyebabkan perubahan mendadak medium pengajian di peringkat tertiari bagi majoriti kursus yang diambil di setiap universiti. Justeru, corak kehidupan akademik pelajar di peringkat tertiari telah mengalami peralihan daripada medium konvensional kepada medium atas talian. Disebabkan adaptasi kepada norma baharu bukanlah sesuatu yang mudah, ia telah mencetuskan beberapa lagi cabaran baru yang perlu didepani oleh huffaz era ini. Bebanan tugas akademik yang kian bertambah, limitasi teknologi (Krishnan et al., 2020) dan persediaan fasiliti dan logistik adalah realiti yang perlu disesuaikan oleh para huffaz di peringkat tertiari.

Huffaz di peringkat tertiari ini merupakan sebahagian besar daripada kelompok huffaz lepasan sekolah dan merupakan satu domain yang perlu diberi perhatian. Keciciran mereka dalam hafazan al-Quran akan merugikan negara dari aspek pelaburan modal insan dan menjadi indikator kekaburuan hala tuju lanjutan bagi huffaz.

## Strategi Murajaah al-Quran

Walau apapun pendekatan yang digunakan, perjalanan menghafal al-Quran memerlukan disiplin yang tinggi dan komitmen yang tidak putus (Siti Nor Azimah et al., 2016). Justeru, huffaz al-Quran perlu menyedari bahawa hafazan yang mereka miliki tidak akan sentiasa kekal

dalam ingatan mereka. Menghafaz al-Quran merupakan satu bentuk pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Hal ini memberi ruang yang luas kepada huffaz untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran kendiri ini dengan syarat memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Di peringkat sekolah, mereka dikawal selia oleh guru tasmik yang bertindak sebagai fasilitator, manakala di peringkat universiti, mereka sepenuhnya bergantung kepada disiplin dan latihan kendiri mereka sebagai asas untuk mereka murajaah al-Quran (Muriyah et al., 2015).

Berdasarkan analisis terhadap proses hafazan dan murajaah al-Quran serta realiti yang dihadapi oleh huffaz di peringkat tertiar, kajian ini merumuskan terdapat enam strategi utama (Rajah 1) boleh diimplementasi oleh huffaz dalam rangka untuk terus komited dan bermotivasi untuk melakukan murajaah al-Quran. Strategi *murajaah* al-Quran ini berkait rapat antara satu sama lain dan kadar keberkesanannya adalah relatif dengan amalan kebiasaan. Ini bermaksud, kajian ini mengantisipasi bahawa sekiranya keenam-enam strategi ini menjadi kebiasaan, huffaz di peringkat tertiar akan lebih terampil dari aspek penguasaan hafazan kerana dengan menggabungkan kesemua strategi ini, huffaz akan dapat mengekalkan momentum murajaah al-Quran.



Rajah 1: Enam strategi utama murajaah al-Quran bagi huffaz di peringkat tertiar.

Penjelasan bagi setiap strategi yang dikemukakan diterangkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Huraian kepada strategi murajaah al-Quran bagi huffaz di peringkat tertiar.

Strategi	Huraian Strategi
Menetapkan target	Huffaz di peringkat tertiar seharusnya menetapkan target murajaah setiap hari berdasarkan kemampuan mereka. Usaha ini adalah selari dengan amalan biasa di institusi tahfiz peringkat sekolah menengah yang menetapkan target hafazan pelajar sebagai satu strategi

	pembelajaran. Huffaz di peringkat tertiari juga perlu mengenalpasti kelemahan mereka dalam hafazan, jumlah surah atau juzuk yang menjadi masalah kepada mereka (Khairul Anuar, 2016) untuk memudahkan mereka menstruktur target.
Waktu murajaah	Khairul Anuar (2016) menjelaskan bahawa setiap penghafaz al-Quran perlu mempunyai waktu yang sesuai untuk murajaah al-Quran. Pada setiap waktu tersebut, murajaah boleh dilakukan dengan tenang dan tersusun. Muriyah et al. (2015) merumuskan bahawa Imam al-Nawawi memberikan garis panduan untuk meluangkan sebahagian waktu pada malam hari untuk murajaah al-Quran. Selain bertujuan menghidupkan malam dan memantapkan hafazan, murajaah al-Quran pada waktu malam mengelakkan situasi gopoh dan terkejar-kejar dengan urusan yang lain.
Persekutaran kondusif	Persekutaran kondusif adalah satu inti pati utama seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Pemilihan persekitaran yang kondusif memberi ketenangan ketika murajaah al-Quran dan mengelakkan teralihnya tumpuan ketika murajaah al-Quran. Menurut Muriyah et al. (2015) kehadiran huffaz ke majlis-majlis bagi menghidupkan al-Quran adalah satu strategi bagi membantu pelajar untuk murajaah al-Quran. Ini kerana, majlis-majlis sebegini mampu membina persekitaran yang baik serta memberi manfaat secara spiritual dan rohani kepada pelajar.
Rakan tasmik	Secara umumnya, rakan sebaya memainkan peranan penting bagi mencorakkan keperibadian remaja. Bertitik tolak daripada perkara tersebut, adalah sangat baik jika huffaz di universiti mencari rakan-rakan tasmik bagi memudahkan proses pengekalan hafazan al-Quran. Abdul Hafiz et al. (2003) turut mencadangkan seorang hafiz agar mencari rakan tasmik dan sentiasa melakukan aktiviti tasmik secara konsisten. Dengan demikian, hafazan al-Quran lebih mudah dikenalkan. Rakan tasmik juga boleh berperanan membangkitkan motivasi dan mewujudkan persaingan yang sihat dalam murajaah al-Quran.
Teknik murajaah	Kelemahan dalam pencapaian hafazan pelajar disebabkan kekurangan strategi dan kaedah semasa menghafaz al-Quran (Azmil et al., 2014). Hal ini berterusan dan sentiasa relatif setelah tamat hafazan ketika murajaah al-Quran di universiti. Justeru, walaupun kajian berkaitan teknik murajaah adalah terbatas, namun, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa penetapan satu teknik murajaah dan melazimnya merupakan satu elemen yang berkesan bagi memantapkan setiap sesi murajaah.
Istiqamah	Istiqamah dalam murajaah al-Quran merujuk kepada usaha berterusan terhadap elemen-elemen dalam strategi murajaah ini. Setiap perancangan, jadual dan sesi murajaah haruslah berjalan

	sebaik mungkin dan memaksimumkan peluang untuk sentiasa murajaah al-Quran. Menurut Khairul Anuar (2016), pendekatan menyertai pertandingan atau apa-apa skim yang menguji kekuatan hafazan mendapati ia sebagai faktor penarik kepada huffaz untuk terus murajaah al-Quran. Dengan mengikuti pertandingan seumpama ini menyebabkan seseorang itu mendapat motivasi untuk mengulang hafazannya secara berulangkali.
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## Kesimpulan

Pendidikan tahfiz negara kita telah berkembang kerana ramai pelajar yang berminat menceburi bidang ini atas pelbagai faktor. Kesungguhan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menggubal kurikulum tahfiz menjadi pemungkin dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap hala tuju pendidikan tahfiz. Integrasi kurikulum akademik dan tahfiz telah melahirkan ramai huffaz yang cemerlang dalam bidang akademik dan mempunyai akhlak dan peribadi yang baik. Pelajar yang cemerlang akademik ini seterusnya melanjutkan pengajian ke universiti dalam pelbagai bidang pilihan mereka dan bertanggungjawab untuk mengekalkan hafazan al-Quran. Namun demikian, usaha murni pihak kerajaan untuk menjadikan pendidikan tahfiz sebagai kurikulum arus perdana tidak harus terhenti di peringkat sekolah sahaja. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia turut perlu menstruktur langkah bagi mewujudkan kesinambungan pendidikan tahfiz. Pihak kerajaan mempunyai kekuatan dari sudut tenaga pakar, fasiliti dan perbendaharan serta boleh melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti JAKIM dan pihak universiti sendiri. Justeru, pelbagai isu dan cabaran yang merupakan realiti yang berlaku hari ini dapat ditangani dengan berhemah. Sementara itu, huffaz diperingkat tertiari perlu mengadaptasi dan menguasai strategi murajaah al-Quran bagi memastikan hafazan al-Quran kekal dalam ingatan. Hasilnya, akanlah golongan huffaz yang menguasai pengajian di peringkat tertiari dalam masa yang sama menguasai hafazan al-Quran dengan cemerlang.

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada output penyelidikan UniSZA/2018/DPU/19. Penyelidik merakamkan penghargaan kepada pihak UniSZA yang menaja kos penyelidikan ini.

## 8.0 RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. (2003). Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh. Pusat Pengajian Islam dan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Hafiz Abdullah et al. (2005). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Penyelidikan Jangka Pendek, Skudai: Pusat Pengurusan Penyelidikan UTM.

- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman & Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2005). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz, A., & Norhanan, A. R. (2010). Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba. *Jurnal Teknologi* 2.
- Abdul Salam Yusof. (2003). Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan. Selangor: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abu Najihat. (2001). Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ahmad Bazli Bin Ahmad Hilmi, Zulkarnin Zakaria, Mahiz Spawi & Selamat Bin Amir. (2016). Sistem Pendidikan Dan Pengajaran Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Inovasi di Kolej Permata Insan. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Fajar Bakti, Shah Alam.
- Ahmad Syamil Ikhwan. (2014). Pelaksanaan Kaedah Hifz al-Quran: Satu Kajian di Kalangan Pelajar Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS. Latihan Ilmiah. Selangor.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Mohd Abdul Nasir AbdLatif. (2016). Pengayaan, Pengukuhan dan Pemulihian dalam Pembelajaran Tahfiz Al-Quran: Kajian Di Beberapa Sekolah Tahfiz Terpilih di Kelantan. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal al-Turath*, 2(2): 54-59
- Azmil Hashim & Misnan Jemali. (2014). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dengan Pencapaian Hafazan al-Quran Para Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 15-25.
- Azmil Hashim. (2015). Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Tahfiz di Institusi Tahfiz di Malaysia. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatahurrahman Mohd Hafid. (2015). Tahap kualiti hafazan al-Quran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Satu kajian ke atas pelajar semester enam Darul Quran. Projek Penyelidikan Darul Quran.
- Fatimah Zaharah Ismail, Nor Hafizi Yusof, Ahmad Farimin Ahmad Osman, Rahimah Embong, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil dan Najmiah Omar. (2019). Retaining Quranic Memorisation for Huffaz at the Malaysian Tertiary Institutions: Key Challenges and Future IoT Potentialities. 2019 7th International Conference on Future Internet of Things and Cloud Workshops (FiCloudW), Istanbul, Turkey, 2019, pp. 26-30.
- Harun Baharudin. (2016). Al-Quran dan Kurikulum Tahfiz Nasional. Utusan Malaysia 1 Julai 2016.
- Ismarulyusda Ishak, Nor Malia Abdul Warif, Farah Wahida Ibrahim, Siti Nur Rasyidah Md Ramli & Sabri Mohamed. (2016). Kesan Bacaan Atau Hafazan Al Quran Terhadap Kesihatan dan Tahap Kecerdasan. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz 2015. Bahagian Pendidikan Islam. KPM, Cyberjaya.
- Khairul Anuar Mohamad. (2016). Sistem Kawalan Kualiti Huffaz. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Krishan, Isai Amuthan, Hee Ching, Selvajothi Ramalingam, Elanttamil Maruthai, Pushpa Kandasamy, Geraldine Mello, Saravanan Munian dan Wong Ling. (2020). Challenges of Learning English in 21st Century: Online Vs. Traditional During Covid-19. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities 5 (9), 1 - 15.
- Mardhiah binti Yahaya. (2016). Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) Di MRSM Ulul Albab. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. (2013). Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Nilai, Negeri Sembilan.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Ahmad Yussuf & Abd Hadi Borham. (2016). Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Muhammad Zawawi Bin Muhammad Ali @ Yusof & Nor Hafizi Bin Yusof. (2016). Amalan Spritual Menghafaz Al-Quran Dan Pencapaian Akademik Pelajar Imtiaz Negeri Terengganu. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Salleh Rosman & Mohd. Faeez Ilias. (2015). Pendidikan tahniz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. In: Seminar International Conference on Education and Social Entrepreneurship.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Salleh Rosman & Mohd. Faeez Ilias. (2015). Garis panduan bagi Hafiz al-Quran menurut pandang Al-Nawawi. In: Seminar International Conference on Education and Social Entrepreneurship.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Salleh Rosman & Mohd. Faeez Ilias. (2015). Strategi awal menghafaz Al-Quran menurut Abu Dzar Al-Qalamuni. In: Seminar International Conference on Education and Social Entrepreneurship.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Rabi'atul Athirah Muhamad Isa & Rosma Osman. (2016). Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Noor Hisham Md Nawi. (2014). Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education. Kota Bharu, Kelantan.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Modern: Satu Kajian Awal. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014, Kota Kinabalu.
- Sabri bin Mohamad, Azmil bin Hashim & Hamdi bin Ishak. (2016). Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah Dalam Membina Kurikulum Tahfiz Al-Quran.

In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.

Sedek Ariffin & Mustaffa Abdullah. (2016). Kaedah Hafazan Al-Quran Deobandy Di Malaysia: Satu Analisis. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.

Siti Nor Azimah Binti Sabaruddin, Tengku Intan Zarina Binti Tengku Puji, Mohd Ridhuwan Bin Remly, M.Y Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff, Shafiza Binti Safie. (2016). Cabaran Pengajian Golongan Hafiz Al-Quran di Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan Di Malaysia. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.

Solahuddin bin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek dan Cabaran. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.

Utusan Malaysia. (2010). Cabaran Bergelar Hafiz. Atas talian. 31/8/2010.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0831&sec=Sabah\\_%26\\_Sarawak&pg=wb\\_04.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0831&sec=Sabah_%26_Sarawak&pg=wb_04.htm).